

# **TEKS UCAPTAMA**

**oleh**

**YBhg. Dato' Sri Zohari bin Haji Akob  
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya**

**sempena**

**SESI *TOWNHALL* BAGI MEKANISME  
MEWAJIBKAN PENGGUNAAN KAEDAH IBS  
DALAM INDUSTRI PEMBINAAN**

**11 SEPTEMBER 2017**

**DI PUSAT KONVENSYEN CIDB, KUALA LUMPUR**

Bismillahir Rahmanir Rahim

AssalamuAlaikum Waramatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia, Salam Negaraku Sehati Sejiwa

**(SALUTATIONS)**

Yang Berbahagia Tan Sri/Datuk/Dato', Datin-Datin, Dif-dif kehormat,

Yang dihormati Tuan-Tuan, Puan-Puan hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian.

1. Alhamdulillah, kita panjatkan kesyukuran kepada Allah SWT. kerana dengan limpah kurnia dan izin Nya dapat kita semua berkumpul pada hari yang berbahagia ini di Pusat Konvensyen CIDB untuk sama-sama bertukar pendapat dan pandangan dalam **Sesi *Townhall* Bagi Mekanisme Mewajibkan Penggunaan Kaedah IBS Dalam Industri Pembinaan** .
2. Terlebih dahulu, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih di atas kesudian dan kehadiran YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Dato'/Tuan/Puan ke sesi *townhall* ini. Sesi Townhall ini adalah julung kali dianjurkan bersama oleh Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

3. Para hadirin sekalian, sesi *townhall* pada hari ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan sumbang saran berhubung cadangan seterusnya untuk mewajibkan kaedah IBS menerusi mekanisme perundangan bagi projek pembinaan swasta. Segala input dan maklum balas yang diberikan oleh tuan-tuan dan puan-puan akan memperjelas dan memantapkan justifikasi Kerajaan untuk mempertimbang dan memutuskan keperluan pelaksanaan kaedah IBS dalam projek pembinaan swasta.
4. Para hadirin sekalian, Kerajaan komited dalam usaha menjayakan pelaksanaan IBS. Pada tahun 2003, *Roadmap IBS 2003 - 2010* telah dijadikan dokumen *blueprint* sektor pembinaan serta sumber rujukan oleh pemegang taruh dalam industri pembinaan Malaysia. Manakala *Roadmap IBS 2011 – 2015* pula menyusul berikutnya sebagai kesinambungan kepada *Roadmap IBS 2003 - 2010*.
5. Bagi memantapkan lagi *Roadmap IBS*, pada tahun 2015, Kementerian Kerja Raya telah melancarkan *Construction Industry Transformation Programme (CITP) 2016 – 2020* untuk mentransformasikan industri pembinaan melalui 4 teras utama termasuk inisiatif untuk mempertingkatkan penggunaan IBS dalam industri pembinaan di bawah teras strategik produktiviti.
6. Untuk makluman para hadirin sekalian, penggunaan kaedah IBS Sektor Kerajaan telah pun diwajibkan menerusi Surat Pekeliling Perbendaharaan sejak tahun 2008. Pekeliling tersebut menyatakan bahawa semua projek kerajaan bernilai RM10 juta dan ke atas diwajibkan menggunakan kaedah IBS dan mencapai

sekurang-kurangnya 70 skor IBS. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan amat serius dalam menjayakan pelaksanaan IBS.

7. Langkah mewajibkan penggunaan IBS ke atas projek Kerajaan merupakan titik tolak bagi pelaksanaan kaedah IBS bagi sektor pembinaan di seluruh negara. Namun, langkah ini perlu ditingkatkan untuk memberi impak yang signifikan dan menyeluruh dari segi *economies of scale*, kerana jumlah projek-projek Kerajaan adalah kecil berbanding projek yang dilaksanakan oleh pihak swasta.
8. Statistik projek-projek pembinaan yang dikeluarkan oleh CIDB menunjukkan, daripada tahun 2010 sehinggalah 2016, jumlah projek kerajaan meliputi kurang 25% daripada jumlah projek-projek pembinaan yang dilaksanakan. Pada tahun 2016 contohnya, nilai keseluruhan projek kerajaan adalah RM50 billion dengan sejumlah 1,696 projek, iaitu 28% daripada jumlah keseluruhan RM176.3 billion projek pembinaan yang dilaksanakan. Projek swasta pula bernilai RM126.3 billion dengan sejumlah 4,851 projek, atau 72% daripada jumlah projek yang dilaksanakan pada tahun tersebut. Oleh yang demikian, penglibatan sektor swasta secara lebih meluas dan aktif dalam menggunakan kaedah IBS adalah penting dalam mencapai *economies of scale*, yang pada akhirnya akan dapat mengurangkan kos pembinaan bangunan dan seterusnya memberikan *value for money* kepada pengguna.

9. Untuk makluman para hadirin sekalian, Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) Ke-71 pada 10 Julai 2017 bersetuju agar Cadangan Mewajibkan Penggunaan Kaedah IBS Sebagai Salah Satu Syarat Kelulusan Kebenaran Merancang atau Perintah Pembangunan, dan Pelan Bangunan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). **Sebagai kesinambungan kepada keputusan MNKT Ke-71, sesi *townhall* yang diadakan pada hari ini merupakan platform untuk kita sama-sama memberikan pandangan dan sumbang saran berhubung cadangan seterusnya untuk mewajibkan kaedah IBS menerusi mekanisme perundangan.**
10. Adalah menjadi harapan saya selaku wakil Kerajaan agar tuan-tuan dan puan-puan dapat menyuarakan pandangan mahu pun mengutarakan cadangan yang bernas tanpa prejudis memandangkan pelaksanaan IBS ini mendatangkan banyak faedah antaranya penggunaan kaedah IBS dapat mengurangkan tempoh pembinaan berbanding dengan kaedah konvensional. Ia juga dapat menambahbaik kualiti pembinaan, menyumbang kepada produktiviti pembinaan dan juga dapat mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja tidak mahir. Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan penerapan kaedah moden, mekanisasi dan teknologi.

Hadirin sekalian,

11. Saya yakin bahawa kerjasama yang mantap di antara Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan pihak swasta yang terlibat dengan industri pembinaan akan mewujudkan sinergi dalam meningkatkan produktiviti sekaligus memastikan industri pembinaan yang mampan kerana ia mampu meningkatkan kualiti hasil kerja binaan, mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja tidak mahir, mengurangkan pembuangan sisa pembinaan dan juga menjadikan tapak bina lebih selamat di sepanjang proses pembinaan. Projek-projek luar negara seperti di Singapura, Australia dan Hong Kong yang menggunakan kaedah IBS telah membuktikan bahawa ia adalah satu kaedah yang lebih sistematik dan bersepadu berbanding kaedah pembinaan konvensional.
  
12. Saya berharap agar tujuan penganjuran sesi townhall ini dapat dicapai demi kemajuan industri pembinaan negara dan akan memberi manfaat kepada kita bersama dengan adanya sumbangan idea dan pendapat daripada para hadirin yang saya hormati sekalian.
  
13. Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua para jemputan yang hadir ke sesi *townhall* ini dan syabas kepada ahli jawatankuasa penganjur serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini. Semoga sesi interaktif antara Kerajaan dan pemegang taruh seperti ini dapat diteruskan pada masa hadapan.

14. Dengan lafaz mulia, Bismillahir Rahmanir Rahim, saya dengan ini merasmikan **Sesi *Townhall* Bagi Mekanisme Mewajibkan Penggunaan Kaedah IBS Dalam Industri Pembinaan.**

Sekian, Wabillahitaufiq walhidayah.

Assalamualaikum Warahmatullahiwabaratuh.